

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HKA 101/NSK 001 Pengantar Kesusasteraan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TUJUH [7] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab SATU [1] soalan

1. Bincangkan sumbangan biografi kepada pemahaman sesebuah karya sastera dan huraikan kekurangan di dalam pendekatan biografikal.
2. Mengikut Eagleton, "sesuatu teori yang rumit dan asli sifatnya seperti yang dibina Freud tentu sahaja akan menjadi sumber perdebatan yang hangat. Freudinisme telah diserang daripada berbagai-bagai jurusan, dan tidak harus dilihat sebagai bebas masalah" (Teori Kritikan Kesusasteraan: Satu Pengenalan).

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, bincangkan sumbangan Freud kepada perwatakan di dalam kesusasteraan moden.

BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan

3. **SAMA ADA**

- [a] Setakat manakah Achebe berjaya memelihara integritinya di dalam mewujudkan semula masa silam puak Ibo dan riwayat hidup Okonkwo?

.../2

ATAU

[b] Ciri-ciri kelelakian dan kewanitaan kerap kali diulangkan di dalam novel Things Fall Apart. Bincangkan peranan watak-watak wanita di dalam Things Fall Apart.

4. "Pengarang yang kreatif akan cuba menggunakan bahasa seluas yang mungkin meliputi pemilihan sintaksis, ungkapan-ungkapan yang khusus dan meluaskan penggunaan bahasa-bahasa kiasan." (Shahnon Ahmad, Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan).

Dengan menggunakan pernyataan di atas sebagai titik tolak, bincangkan setakat manakah Shahnon Ahmad berjaya menggunakan bahasa demi mewujudkan suasana yang memperkayakan persoalannya.

BAHAGIAN C - Jawab SATU [1] soalan

5. Analisis bagaimana penggunaan latar menyumbang kepada kompleksiti kejiwaan protagonis-protagonis utama di dalam "Just A Girl" dan "Anak-Anak Kampung Pasir Pekan".
6. Sesebuah cerpen yang baik ialah "a condensation of life" yang mempersembahkan wawasan segar tentang selok-belok kehidupan. Dengan menganalisis dua [2] buah cerpen, bincangkan implikasi-implikasi pernyataan ini.

BAHAGIAN D - Jawab SATU [1] soalan

7. Analisis diksi, imej dan metafora di dalam "Pak Utih" dan "Perempuan Malang" (lihat lampiran). Huraikan setakat manakah Usman Awang berjaya menyampaikan kritikan sosial yang berkesan melalui penggunaan bahasa.
8. Pilih dua [2] di antara puisi yang berikut (lihat lampiran) dan analisis bagaimana bahasa, nada dan pola-pola bunyi diolah demi memperkayakan persoalan penyair.

- [a] "Pria" (Toeti Heraty)
[b] "Ziarah" (Sapardi Djoko Damono)
[c] "Kata" (Subagio Sastrowardjo)

.../LAMPIRAN

.../3

LAMPIRAN

SOALAN NO. 7

PAK UTIH

I

Punya satu isteri mahu dakap sampai mati,
Lima anak mahu makan setiap hari,
Teratak tua digayuti cerita pusaka,
Sebidang tanah tandus untuk huma.

Kulit tangan tegang berbelulang,
Biasa keluarkan peluh berapa saja,
O Pak Utih, petani yang berjasa.

Tapi malaria senang menjenguk mereka,
Meski dalam sembahyang doa berjuta,
Dan Mak Utih bisa panggil dukun kampung,
Lalu jampi mantera serapah berulang-ulang.

Betapa Pak Dukun dan bekalan pulang,
Wang dan ayam dara diikat bersilang.

II

Di kota pemimpin berteriak-teriak,
Pilihanraya dan kemerdekaan rakyat,
Seribu kemakmuran dalam negara berdaulat,
Jambatan mas kemakmuran sampai ke akhirat.

Ketika kemenangan bersinar gemilang,
Pemimpin atas mobil maju ke depan, dadanya terbuka,
Ah, rakyat tercinta melambaikan tangan mereka.

Di mana-mana jamuan dan pesta makan,
Ayam panggang yang enak di depan,
Datang dari desa yang dijanjikan kemakmuran.

Pak Utih masih menanti dengan doa,
Bapak-bapak pergi ke mana di mobil besar?

(Usman Awang)

PEREMPUAN MALANG

Perempuan malang di kamar seribu tamu
Betapa suram cahaya dalam keredupan mata meminta,
Di tilam segala peristiwa dalam saksi yang buta,
Dari berahi yang memberi untuk hidup yang meminta.

Malam milik manusia bersama dengan perbezaan segala,
Siapa datang, ah, malam ini ia memberi dan menerima;
Alangkah nikmatnya telentang di bumi Tanahair tercinta,
Sebelum bendera merdeka sampai sekarang sederap sama.

Semua diterima dalam saksi kamar yang mati,
Manusia salih mengganti tasbih, atau paduka apa
Segala-gala, paling hina dan mulia, merasa sama
Menghilang dan datang dari pintu rahsia mereka.

O perempuan malang yang membeban segala jalang,
Kauterima, rela atau tiada, dalam hidup telanjang;
Kau menyimpan segala himpunan keji manusia terpuji,
Kerana demikian hukum dunia manusia yang "berbudi".

Retak dan pecah dalam kebakaran nafsu,
Hidup manusia yang begitu pahit terhirup.
Ah, menjingkit-jingkit dalam panas mencerut,
Sebab usia memanjat jua, menyebabkan kau termangu.

Sampai sekarang, O perempuan malang,
Hukum hidup manusia buas memanjang.

(Usman Awang)

SOALAN NO. 8

PRIA

siapa yang mengatakan:

"bagai kuncup terkulai di tangan"
(yang menyanjungnya) --

dasar wanita

berterima kasih dalam-dalam
karena takdir telah menyentuhnya
takdir? bahwa dunia merekah dan
dupa keramat melingkari dengan mantera
mantera abadi?

dengan senyum pada pandang karena
sendiri tidak berjaya, pada pergelangan tangan
mesra dihela ke taman hakiki

hati padat-penuh kekaguman akan
manusia jantan, semacam dewa!

siapa pula yang mengatakan:

"ikatan restu antara dua
insan dewata"

lazim,

sebagai halnya tanda rahasia timbulkan
pretensi-pretensi sewajarnya --
kuncup, berduri, geli dan kesal
-- taman hakiki...

(Toeti Heraty)

ZIARAH

Kita berjingkat lewat
jalan kecil ini
dengan kaki telanjang; kita berziarah
ke kubur orang-orang yang telah melahirkan kita.
Jangan sampai terjaga mereka!
Kita tak membawa apa-apa. Kita
tak membawa kemenyan atau pun bunga-bunga;
kecuali seberkas rencana-rencana kecil
(yang senantiasa tertunda-tunda) untuk
kita sombongkan kepada mereka.
Apakah akan kita jumpai wajah-wajah bengis,
di sana? Tidak, mereka hanya kenangan.
Hanya batang-batang cemara yang menusuk langit
yang akar-akarnya pada bumi keras.
Sebenarnya kita belum pernah mengenal mereka;
ibu-bapa kita yang mendongeng
tentang tokoh-tokoh itu, nenek-moyang kita itu,
tanpa menyebut-yebut nama.
Mereka hanyalah mimpi-mimpi kita,
kenangan yang membuat kita merasa
pernah ada.
Kita berziarah; berjingkatlah sesampai
di ujung jalan kecil ini;
sebuah lapangan terbuka

batang-batang cemara
angin.

Takada bau kemenyan takada bunga-bunga;
mereka telah tidur sejak abad pertama
semenjak Hari Pertama itu.
Takada tulang-belulang takada sisa-sisa
jasad mereka.

Ibu-bapa kita sungguh bijaksana, terjebak
kita dalam dongengan nina-bobok.
Di tangan kita berkas-berkas rencana
di atas kepala
sang Surya.

(Sapardi Djoko Damono)

KATA

Asal mula adalah kata
Jagat tersusun dari kata
Di balik itu hanya
ruang kosong dan angin pagi

Kita takut kepada momok karena kata
Kita cinta kepada bumi karena kata
Kita percaya kepada Tuhan karena kata
Nasib terperangkap dalam kata

Karena itu aku
bersembunyi di belakang kata
Dan menenggelamkan
diri tanpa sisa

(Subagio Sastrowardojo)

-ooooo000000-